

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1995/96

Oktober/November 1995

**YUP 405 - Perhubungan Awam**

Masa: 2 jam

---

Jawab **TIGA (3)** soalan.

1. Dalam konteks merekabentuk perancangan PR, nyatakan **persamaan dan perbezaan** jika ada di antara komponen-komponen berikut:

- (a) Perhubungan awam dan periklanan.
- (b) Perhubungan awam dan pemberitaan.
- (c) Perhubungan awam dan pemasaran.

(100 markah)

2. Dalam satu laporan trend bisnes yang dinyatakan oleh Leuven 1991, Cutlip Center dan Broom 1985, Gruig dan Hunt 1984, dan Wilcox dan rakan-rakan 1995, menunjukkan bahawa disebabkan oleh persaingan yang hebat dalam industri maka terdapat perubahan-perubahan yang radikal berlaku di dalam kebanyakan organisasi, termasuklah perubahan struktur dalam institusi PR itu sendiri.

- (a) Nyatakan enam bentuk institusi PR yang dinyatakan di atas.
- (b) Bagaimanakah teori pengurusan yang dinyatakan dalam laporan ini, dapat digunakan dalam mempraktikkan amalan PR.
- (c) Nyatakan ciri-ciri khusus dalam laporan ini yang dapat dikaitkan dengan Model Empat Langkah Proses PR.

(100 markah)

3. Telah diperkatakan bahawa pengamal perhubungan awam sentiasa berusaha merintis, menukar dan akhirnya perlu mempengaruhi trend pendapat umum. Dalam melaksanakan tugas ini pengamal bertembung dengan perbezaan-perbezaan pendapat, pandangan dan halangan - khususnya mereka yang tidak 'memahami anda dan organisasi anda', 'mereka yang enggan bekerjasama dengan anda', 'mereka yang tidak mahu bekerja keras seperti yang sepatutnya', 'mereka yang tidak akan memilih calon kepada apa yang anda calonkan,' dan 'mereka yang tidak memberikan sumbangan apa yang sepatutnya disumbangkan'. Dalam konteks membentuk pendapat umum ini, huraikan:
- (a) Apakah objektif asas Pendapat umum.
  - (b) Empat strategi di mana pendapat umum ini dapat dilaksanakan dan sertakan dengan contohnya sekali.
  - (c) Tiga jenis bentuk pemimpin pendapat yang anda telah pelajari dalam kursus ini.

(100 markah)

4. Sebagai fungsi perhubungan awam, pengendalian krisis telah menjadi amalan yang lazim. Tiga kajian kes yang berbeza 'Exxon's Valdez', 'Tylenol' dan 'Highland Towers' telah pun dibentangkan sebagai contoh kepada anda bagaimana kes-kes ini dikendalikan.

Sebagai pengamal perhubungan awam, bincangkan prosedur bagaimanakah anda boleh membentuk satu program komunikasi berasaskan kepada fungsi krisis ini.

(100 markah)